

MALAYSIA
DEWAN NEGARA
ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKHAH SAHIH/BAHASA MELAYU

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI SELASA, 9 SEPTEMBER 2025, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 22

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. PN-1542-L13963
Senator Tuan Pele Peter Tinggom minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah status cadangan oleh Kerajaan untuk membentangkan RUU Ombudsman yang sangat ditunggu-tunggu oleh rakyat bagi memantapkan lagi tadbir urus di negara ini.
2. PN-1542-L14421
Senator Puan Rita Sarimah Anak Patrick Insol minta **MENTERI KOMUNIKASI** menyatakan berapa banyak kes penipuan yang dikesan menggunakan Kecerdasan Buatan (AI) dalam tempoh dua tahun kebelakangan ini dan apakah tindakan yang diambil untuk meningkatkan kesedaran masyarakat berkaitan penipuan yang melibatkan penggunaan AI.
3. PN-1542-L14104
Senator Dato' Ahmad bin Dato' Sri Hj. Ibrahim minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk membeli dan membekal selimut api (fire blanket) kepada seluruh Balai Bomba di bandar-bandar besar supaya dapat menangani masalah kebakaran kereta elektrik (EV) dan kereta hybrid memandangkan kerap berlakunya kebakaran kereta elektrik kebelakangan ini.
4. PN-1542-L14093
Senator Tuan Musoddak bin Ahmad minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan usaha mengawal selia perkhidmatan kredit, termasuklah penawaran kredit secara dalam talian bagi membendung hutang isi rumah negara yang semakin membengkak.

5. PN-1542-L14474
Senator Datuk Nelson W Angang minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan adakah terdapat rancangan atau pertimbangan daripada Kerajaan untuk menambah lampu jalan dari Kampung Manggis ke Benoni, Papar (WP05: menaik taraf jalan dari Donggongon ke simpang Jalan Papar Spur) serta memperbaharui garisan pembahagi jalan yang membahayakan pemandu terutama di waktu malam.
6. PN-1542-L14406
Senator Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah status pelaksanaan Program Perjanjian Off-Take Plus (PPO Plus) setakat ini serta apakah perbaharuan yang bakal diperkenalkan di bawah rangka PPO Plus untuk menggalakkan syarikat perubatan untuk melabur dan membangunkan industri pembuatan ubat dan peranti kesihatan Malaysia.
7. PN-1542-L13942
Senator Puan Noorita binti Sual minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah strategi Kementerian untuk meningkatkan lagi kesedaran tentang kepentingan menabung, persediaan untuk menempuh dunia pekerjaan dan persaraan kepada generasi Gen-Z.
8. PN-1542-L14209
Senator Dato' Shamsuddin bin Haji Abd Ghaffar minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan berapakah jumlah kes dan ketirisan yang berlaku sepanjang tempoh 3 tahun kebelakangan berhubung tong gas bersubsidi serta apakah perancangan Kementerian dalam memastikan penguatkuasaan terhadap penjualan tong gas bersubsidi diurus sebaiknya.
9. PN-1542-L13917
Senator Tuan Robert Lau Hui Yew minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan sama ada Kerajaan bercadang mewajibkan pemakaian lencana jalur gemilang bagi pelajar institusi pengajian tinggi dan penjawat awam demi memperkukuh semangat cinta kepada negara dan memupuk nilai patriotisme.
10. PN-1542-L14239
Senator Datuk Haji Mustafa bin Musa minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan sambutan, impak program dan unjuran pertambahan pelajar yang memilih subjek Sains Tulen dan STEM di peringkat SPM susulan daripada Program Sains Teknologi dan Inovasi (STI) 100³ dengan kerjasama Kementerian Pendidikan Malaysia pada tahun 2025.

11. PN-1542-L14609
Senator Tuan Haji Hussin bin Ismail minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan langkah strategik bagi menutup saluran penyeludupan dan pemindahan haram Gas Petroleum Cecair (LPG) bersubsidi termasuk penglibatan teknologi pengesanan serta kerjasama rentas agensi penguatkuasaan.
12. PN-1542-L14579
Senator Puan Tiew Way Keng minta **MENTERI DIGITAL** menyatakan langkah-langkah yang diambil untuk memupuk penggunaan Kecerdasan Buatan (AI) dalam kalangan komuniti dan insentif yang ditawarkan.
13. PN-1542-L14145
Senator Tan Sri Datuk Prof. Dr. Hj. Mohamed Haniffa bin Hj. Abdullah minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sejauh manakah Kementerian akan membantu hospital swasta dan rangkaian penjagaan kesihatan primer swasta di dalam negara berikutan pelaksanaan SST mulai 1 Julai 2025, memandangkan hospital swasta memerlukan masa mencukupi untuk menyesuaikan sistem pentadbiran, proses pembayaran, pematuhan peraturan termasuk pelaksanaan ke atas yuran profesional doktor dan rawatan warga asing yang bermastautin di Malaysia.
14. PN-1542-L14157
Senator Dato' Hajah Ros Suryati binti Alang minta **MENTERI KOMUNIKASI** menyatakan langkah-langkah bagi mengatasi isu di mana 40 peratus kanak-kanak di Malaysia tidak mengetahui cara melindungi diri semasa melayari internet, manakala 83 peratus pula terdedah kepada pelbagai risiko dalam talian akibat perlindungan yang tidak mencukupi, seperti yang dilaporkan oleh Tabung Kanak-kanak Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNICEF).
15. PN-1542-L14423
Senator Tuan Roderick Wong Siew Lead minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan :-
 - (a) apakah langkah yang diambil untuk memastikan peruntukan disalurkan kepada persatuan-persatuan sukan bagi meningkatkan mutu sukan negara, peruntukan dibelanjakan secara telus, berhemah dan mencapai matlamatnya; dan
 - (b) berapakah kes penyalahgunaan peruntukan yang telah disabit kesalahan setakat ini.

16. PN-1542-L14135
Senator Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan statistik terkini permintaan tenaga mahir dalam bidang Kecerdasan Buatan (AI) dan langkah-langkah strategik Kementerian dalam memastikan tenaga kerja tempatan dapat memenuhi keperluan sektor ini menjelang 2030 serta kerjasama antara Kementerian dengan pihak industri dan institusi pendidikan tinggi bagi mempercepatkan proses upskilling dan reskilling.

17. PN-1542-L14468
Senator Puan Norhasmimi binti Abdul Ghani minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan langkah segera Kerajaan dalam menangani peningkatan gangguan mental belia berumur 13 - 30 tahun yang merupakan golongan yang sering terlibat dalam kes buli di sekolah dan Institusi Pendidikan Tinggi (IPT), termasuk penyediaan rawatan psikologi percuma dan pelaksanaan program intervensi awal yang berkesan.

18. PN-1542-L14014
Senator Dr. Hajah Wan Martina binti Wan Yusoff minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan tahap kesiapsiagaan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dalam menghadapi pelbagai ancaman keselamatan berikutan ketegangan dan pertikaian antara negara jiran serta adakah aset pertahanan sedia ada berkeupayaan untuk mengekang sebarang kemungkinan serangan secara tiba-tiba terhadap kedaulatan negara.

19. PN-1542-L14273
Senator Tuan Manolan bin Mohamad minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan sejauh manakah perkembangan yang telah dicapai dalam proses pengiktirafan hak tanah adat (NCR) Orang Asli di seluruh negara.

20. PN-1542-L14570
Senator Datuk Wira Koh Nai Kwong minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan sejauh mana penglibatan pelbagai agensi Kementerian dan sektor swasta dalam sepadankan (matching) penempatan pekerjaan untuk graduan dan adakah Kerajaan memperkenalkan insentif kepada syarikat yang menyerap graduan dalam bidang sejajar kelayakan mereka.

21. PN-1542-L14293

Senator Datuk Edward Linggu Bukut minta **MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR** menyatakan apakah strategi serta langkah mitigasi jangka pendek yang telah atau akan dilaksanakan oleh Kementerian serta Sabah Electricity Sdn.Bhd (SESB) bagi mengurangkan tempoh dan impak catuan penggunaan elektrik kepada pengguna, khususnya pada waktu puncak antara jam 10 pagi hingga 10 malam.

22. PN-1542-L14599

Senator Tuan Haji Hussin bin Ismail minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan dalam memperkukuhkan pelaksanaan Inisiatif Jawatankuasa Keharmonian Antara Penganut Agama (HARMONI) MADANI bagi memastikan Islam sebagai agama Persekutuan terus dipelihara dan diberi keutamaan selaras dengan kedudukannya yang termaktub di bawah Perlembagaan Persekutuan.

23. PN-1542-L13972

Senator Tuan Azahar bin Hassan minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan apakah langkah selanjutnya untuk menjadikan semua program akademik relevan dengan kerjaya AI dan teknologi.

24. PN-1542-L13984

Senator Puan Noorita binti Sual minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah usaha yang sedang diambil oleh Kerajaan untuk menambah baik Lembaga Kelayakan Profesion Undang-undang (LPQB) dari segi struktur dan komposisi serta penambahan perwakilan daripada Sabah dan Sarawak sebagai ahli LPQB.

25. PN-1542-L14521

Senator Dato' Haji Abdul Halim bin Haji Suleiman minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan berapakah nisbah penggunaan perkhidmatan hospital Kerajaan oleh warganegara ketimbang warga asing.

26. PN-1542-L14651

Senator Dato' Sri Vell Paari a/l Tun Samy Vellu minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada pihak Kerajaan bercadang untuk memperuntukkan dana khas kepada komuniti India melalui MITRA atau mekanisme lain bagi membasmi kemiskinan bandar dalam kalangan komuniti ini melalui Rancangan Malaysia Ketiga Belas (RMK13).

27. PN-1542-L14537

Senator Dato' Sivaraj a/l Chandran minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan :-

- (a) bagaimana Kerajaan mengukur keberkesanan sistem PADU yang kini merekodkan lebih 30.4 juta profil individu daripada 204 agensi bersepadu dalam memastikan subsidi RON95 benar-benar disasarkan kepada golongan yang layak dan mengurangkan kesilapan edaran, bukannya menjadi sistem statistik besar tanpa faedah praktikal kepada rakyat; dan
- (b) apakah audit bebas dan ukuran keberhasilan yang telah ditetapkan oleh Kerajaan untuk memastikan PADU tidak menjadi sistem *data-driven* tanpa hasil, dan adakah ia akan mendedahkan secara terbuka kadar *inclusion error* dan *exclusion error* dalam penyaluran subsidi serta ketirisan yang berjaya ditangani sehingga kini.

28. PN-1542-L13994

Senator Dato' Prof. Emeritus Dr. Mohammad Redzuan bin Othman minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan adakah Kementerian mempunyai perancangan untuk menaikkan jumlah pembiayaan sara hidup kepada 54% penerima pembiayaan penuh PTPTN dalam kalangan pelajar B40 kerana jumlahnya yang diterima tidak mencukupi sehingga mendorong ramai dalam kalangan mereka melakukan kerja-kerja sampingan yang boleh menjejaskan pengajian.

29. PN-1542-L14034

Senator Datuk Rosni binti Sohar minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan apakah strategi menyeluruh yang dirangka oleh Kementerian bagi memastikan program pembangunan desa tidak lagi tertumpu kepada bantuan langsung atau kebajikan pasif semata-mata, sebaliknya beralih kepada pendekatan transformasi struktural dan pembangunan ekonomi setempat yang lebih berdaya tahan dan mampan.

30. PN-1542-L14394

Senator Tuan Haji Baharuddin bin Ahmad minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk memperkenalkan satu skim sokongan pendidikan bagi negeri-negeri yang kecil bagi memastikan akses pendidikan alternatif turut berperanan sebagai rakan strategik pendidikan negara.

31. PN-1542-L14682
Senator Datuk Seri Prof. Emeritus Dr. Awang bin Sariyan minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan adakah Kementerian mempunyai "Kesihatan Rahmah" sebagaimana adanya program Rahmah dalam bidang Ekonomi, untuk memastikan masyarakat bawahan memperoleh khidmat kesihatan percuma atau yang minimal kosnya.
32. PN-1542-L13907
Senator Tuan Robert Lau Hui Yew minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan impak ke atas pelaburan dari Amerika Syarikat di Malaysia akibat perang dagang dan tarif serta langkah-langkah yang diambil untuk meminimumkan impak terhadap ekonomi kita.
33. PN-1542-L14357
Senator Tuan Che Alias bin Hamid minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan formula pembayaran semula hutang yang ditetapkan oleh Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan-kerajaan Negeri.
34. PN-1542-L14648
Senator Tuan Shahrol Wizan bin Sulong minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan apakah bentuk latihan dan kursus yang disediakan untuk meningkatkan kemahiran pemimpin tempatan Orang Asli.
35. PN-1542-L14346
Senator Datuk Edward Linggu Bukut minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah langkah konkrit Kementerian untuk memperluas peluang pekerjaan yang berkualiti dan menangani ketidakpadanan kemahiran, memandangkan negeri Sabah mencatatkan kadar pengangguran tertinggi bagi graduan iaitu 40.9 peratus dan pengangguran keseluruhan 7.6 peratus.
36. PN-1542-L14672
Senator Datuk Seri Prof. Emeritus Dr. Awang bin Sariyan minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah Kementerian melakukan penilaian berterusan tentang prestasi pelajar negara kita dalam Program Penilaian Pelajar Antarabangsa (*Programme for International Student Assessment*) atau singkatannya PISA, yang merupakan program Pertubuhan Kerjasama dan Pembangunan Ekonomi (OECD).

37. PN-1542-L14388
Senator Tuan Roderick Wong Siew Lead minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan keberkesanan Program Agropreneur Muda (PAM) dalam meningkatkan pendapatan dan daya saing usahawan muda, serta apakah cabaran utama yang dihadapi dan langkah yang diambil Kementerian untuk mengatasinya.
38. PN-1542-L13927
Senator Puan Susan Chemerai Anding minta **MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR** menyatakan apakah status terkini penyempurnaan untuk semua mitigasi banjir yang telah dikenal pasti dan berkeutamaan tinggi, terutamanya di negeri yang terkesan secara kritikal dan apakah pelan kontingensi yang telah diaktifkan untuk kawasan di mana projek mitigasi belum sempat disempurnakan.
39. PN-1542-L14404
Senator Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli minta **MENTERI KOMUNIKASI** menyatakan apakah perkembangan terkini mengenai perbincangan dengan platform media sosial yang belum memperoleh lesen di bawah peraturan baharu ini dan apakah halangan yang membuatkan proses ini memakan masa yang agak lama.
40. PN-1542-L14485
Senator Puan Norhasmimi binti Abdul Ghani minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah jaminan Kerajaan bahawa selepas pengambilalihan FGV Holdings Bhd (FGV) dimuktamadkan dan syarikat tersebut dinyahsenarai daripada Bursa Malaysia, para peneroka yang merupakan pemegang saham kecil akan terus menerima manfaat kebajikan atau bantuan kewangan khas supaya mereka tidak terpinggir daripada menikmati keuntungan FELDA.
41. PN-1542-L14024
Senator Dr. Hajah Wan Martina binti Wan Yusoff minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah statistik terkini kes-kes penipuan dan jenayah dalam talian serta berapakah jumlah terkini kes yang dapat diselesaikan dan apakah langkah strategik Kerajaan untuk mengurangkan kejadian ini daripada terus berlaku.

42. PN-1542-L14125

Senator Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan langkah strategik yang sedang dan akan diambil oleh Kementerian Kesihatan bagi mencegah peningkatan penyakit tidak berjangkit seperti diabetes, hipertensi dan penyakit jantung khususnya dalam kalangan orang muda, serta statistik terkini pesakit yang telah sembuh daripada penyakit tersebut.

43. PN-1542-L14340

Senator Datuk Anna Bell @ Suzieana binti Perian minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah usaha pihak Kementerian dalam menerapkan kemahiran penggunaan Kecerdasan Buatan (AI) dalam kalangan tenaga kerja di Malaysia agar dapat meningkatkan kebolehan dan kebolehpasaran tenaga kerja sesuai dengan arus kemajuan semasa sekaligus memenuhi permintaan tenaga kerja mahir yang semakin meningkat.

44. PN-1542-L14501

Senator Tan Sri Dato' Low Kian Chuan minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan kesediaan pihak Kementerian memperkenalkan semula Elaun Pelaburan (RA) sebagai insentif automatik bersifat menyeluruh bagi semua industri yang melaksanakan pelaburan semula dalam aset produktif.

45. PN-1542-L14099

Senator Tuan Abun Sui Anyit minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah bantuan yang diberikan kepada mangsa banjir di Sarawak terutamanya di Miri dan Bintulu yang dilanda banjir semasa akhir bulan Februari 2025 yang lepas dan berapakah jumlah ketua isi rumah (KIR) mangsa banjir yang telah menerima bantuan sehingga hari ini.

46. PN-1542-L14311

Senator Dr. Lingeshwaran a/l Dato' Seri R. Arunasalam minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan berapakah bilangan Jururawat Masyarakat yang lulus dalam program Kenaikan Pangkat Secara Lantikan (KPSL) dan belum dilantik sejak program ini bermula. Mohon Kementerian berikan tempoh yang munasabah untuk selesaikan isu ini.

47. PN-1542-L14004

Senator Dato' Prof. Emeritus Dr. Mohammad Redzuan bin Othman minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan kemajuan terkini pembentukan Majlis Sejarawan Negara yang berfungsi bagi meluruskan pelbagai polemik sejarah yang semakin banyak ditimbulkan.

48. PN-1542-L14667
Senator Dato' Sri Vell Paari a/l Tun Samy Vellu minta **PERDANA MENTERI** menyatakan langkah Kerajaan susulan keputusan PETRONAS mengurangkan lebih 5,000 tenaga kerja akibat penstrukturan semula syarikat serta sejauh mana langkah ini akan memberi kesan terhadap sumbangan PETRONAS kepada hasil negara dan kesinambungan dasar pembangunan nasional yang bergantung kepada dana PETRONAS.
49. PN-1542-L14422
Senator Tuan Haji Baharuddin bin Ahmad minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan adakah Kerajaan Persekutuan bersedia untuk mengharamkan terus penjualan vape sepertimana yang telah dilaksanakan oleh beberapa Kerajaan Negeri agar kesihatan rakyat awam dapat terus dilindungi daripada penyakit yang memudaratkan.
50. PN-1542-L14229
Senator Datuk Haji Mustafa bin Musa minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan sejauh manakah peraturan mewajibkan petugas *lifeguard* dapat dikuatkuasakan kepada semua pemilik hotel dan penginapan yang mempunyai kemudahan kolam renang.
51. PN-1542-L14174
Senator Dato' Setia Salehuddin bin Saidin minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah langkah yang diambil Kerajaan bagi mengatasi masalah pembalakan hutan (deforestation), pencemaran plastik dan pengurusan sisa pepejal yang efektif memandangkan masalah ini terus menjadi cabaran besar negara untuk tahun 2025 dan mendatang.
52. PN-1542-L14692
Senator Tan Sri Datuk Seri Panglima Anifah bin Aman minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan rancangan jangka masa pendek dan panjang bagi memastikan wujudnya sistem pengangkutan awam yang cekap, selesa dan selamat di Sabah bagi menangani masalah kesesakan lalu lintas terutama di kawasan bandar.
53. PN-1542-L14559
Senator Tuan Mohd Hasbie bin Muda minta **PERDANA MENTERI** menyatakan tahap kesiapsiagaan Kerajaan dalam menghadapi kemungkinan banjir besar di Kelantan, Terengganu, Johor, Sarawak dan Sabah berdasarkan pengalaman pada hujung tahun 2024.

54. PN-1542-L14249

Senator Tuan Isaiah a/l D Jacob minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan berapa banyak rumah mampu milik telah dirancang dalam RMK-13 untuk golongan OKU bagi membolehkan golongan ini membeli mengikut negeri-negeri.

55. PN-1542-L14339

Senator Tuan Che Alias bin Hamid minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM** menyatakan cadangan Kerajaan dalam memperkukuh tahap kerjasama semasa dan prospek rundingan dua hala bersama Kerajaan baharu Indonesia, bagi menangani punca utama jerebu rentas sempadan yang berpunca daripada pembakaran terbuka di tanah gambut.

56. PN-1542-L14076

Senator Tuan Musoddak bin Ahmad minta **PERDANA MENTERI** menyatakan senarai syor kepada Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri hasil daripada Laporan Kajian Jawatankuasa Khas Mengkaji Isu Berkaitan Dengan Kompetensi Dewan Undangan Negeri (DUN) Untuk Menggubal Undang-Undang Islam.

57. PN-1542-L14666

Senator Dato' Sri Vell Paari a/l Tun Samy Vellu minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan statistik terkini berkaitan kesihatan mental dan penyakit tidak berjangkit (NCD) dalam komuniti India dan bagaimana RMK-13 menangani keperluan khusus komuniti ini daripada aspek pencegahan dan intervensi awal.

58. PN-1542-L14439

Senator Tuan Amir bin Md Ghazali minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan projek-projek infrastruktur berskala besar yang akan dilaksanakan di bawah RMK13 dan tahap penyediaan setakat ini.

59. PN-1542-L14547

Senator Dato' Sivaraj a/l Chandran minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah pelan Kementerian dalam menangani kekurangan pakar perubatan di hospital Kerajaan terutamanya dalam bidang psikiatri, onkologi, ortopedik dan pediatrik.

60. PN-1542-L14194
Senator Datuk Bobbey Bin Suan minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan strategi komprehensif Kementerian bagi menyelesaikan isu rakyat Sabah yang masih belum memiliki dokumen pengenalan diri secara berkesan dan menyeluruh.
61. PN-1542-L14221
Senator Dato' Shamsuddin bin Haji Abd Ghaffar minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan perancangan Kementerian dalam melibatkan pelajar secara terus ke dalam industri bagi melaksanakan sijil kompetensi Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) yang boleh melahirkan graduan TVET yang berkualiti.
62. PN-1542-L14049
Senator Tuan Haji Abdul Nasir bin Haji Idris minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan rasional di sebalik kenaikan geran per kapita sebanyak 25 peratus kepada RM548 juta pada tahun 2025 dan langkah memastikan pemberian geran per kapita yang seimbang kepada negeri-negeri.
63. PN-1542-L13955
Senator Tuan Pele Peter Tinggom minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah impak Sejati Madani kepada komuniti luar bandar di Saratok dan Kabong memandangkan Saratok dan Kabong adalah penerima Sejati Madani yang paling banyak jumlah pemohon dan jumlah peruntukannya.
64. PN-1542-L14455
Senator Tuan Amir bin Md Ghazali minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan bagaimana RMK13 akan membantu mengawal kenaikan kos sara hidup dan memperkukuh kuasa beli rakyat.
65. PN-1542-L14115
Senator Tuan Abun Sui Anyit minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan :-
- (a) status pembinaan jalan raya berturap Bukit Jayong ke Data Kakus setakat hari ini dan bilakah jalan raya itu dijangka siap sepenuhnya; dan
 - (b) secara terperinci proses-proses pembinaan jalan raya ini sejak dari pengumuman oleh Perdana Menteri pada Julai 2022 sehingga siap dibina nanti.

66. PN-1542-L14259

Senator Tuan Mohd Hasbie bin Muda minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah Kerajaan berhasrat melaksanakan pengeluaran KWSP secara bulanan (secara pilihan atau mandatori) bagi mengelakkan simpanan habis dalam tempoh yang singkat selepas pencarum mencapai usia pencen.

67. PN-1542-L14412

Senator Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM** menyatakan apakah usaha-usaha yang sedang dilaksanakan oleh Malaysia dalam mengeluarkan Mineral Kritikal seperti Unsur Nadir Bumi (REE), termasuk dari aspek pemprosesan dan pengeksportan bahan tersebut.

68. PN-1542-L14184

Senator Dato' Setia Salehuddin bin Saidin minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan tentang status pegawai Puspakom yang telah ditahan oleh SPRM beberapa bulan lalu yang disyaki terlibat dalam skandal rasuah bagi pemeriksaan kenderaan awam oleh pihak Puspakom.

69. PN-1542-L14631

Senator Tuan Shahrol Wizan bin Sulong minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan apakah langkah pihak Kerajaan bagi menggalakkan penglibatan belia Orang Asli dalam ekonomi digital dan e-dagang.

70. PN-1542-L14326

Senator Dr. Lingeshwaran a/l Dato' Seri R. Arunasalam minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah status terkini cadangan Kementerian untuk mengembalikan Program Latihan Pegawai Perubatan Siswazah kepada satu tahun dan bilakah ia akan dilaksanakan.

71. PN-1542-L14067

Senator Tuan Haji Abdul Nasir bin Haji Idris minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan usaha dalam membina lebuh raya Utara-Timur yang menghubungkan Negeri Kedah dengan Kelantan bagi mendepani cabaran Jalan Raya Timur-Barat sedia ada yang sudah daif dan berisiko tinggi.

72. PN-1542-L14623
Senator Tuan Michael Mujah Lihan minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan tahap persediaan Kerajaan dalam mempromosikan Tahun Melawat Malaysia 2026 dan sejauh manakah Kerajaan telah memberi penumpuan khusus kepada destinasi pelancongan di kawasan luar bandar dan pedalaman yang mempunyai pelancongan tinggi tetapi kurang liputan promosi dan pelaburan.
73. PN-1542-L14370
Senator Datuk Seri Dr. Mujahid bin Yusof minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh mana ancaman kelompok ekstrimis agama dan pendekatan yang digunakan untuk menyekat fahaman ini daripada tersebar dalam kalangan rakyat.
74. PN-1542-L14199
Senator Datuk Bobbey Bin Suan minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan perancangan jangka panjang Kementerian untuk meningkatkan kualiti hidup rakyat Sabah melalui Program Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT) dan infrastruktur asas luar bandar.
75. PN-1542-L14283
Senator Tuan Manolan bin Mohamad minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk mengadakan kerjasama strategik seperti mengadakan program kampung angkat pendidikan MADANI bersama syarikat swasta.
76. PN-1542-L14511
Senator Tan Sri Dato' Low Kian Chuan minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan langkah untuk mengawal selia dan memprofesionalkan kerjaya pemandu bas ,termasuk waktu kerja standard, pensijilan dan perlindungan sosial bagi mengurangkan kemalangan bas.
77. PN-1542-L13982
Senator Tuan Azahar bin Hassan minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan adakah Kerajaan memantau waktu kerja pengawal keselamatan yang sering melebihi 12 jam sehari dan adakah mereka diberi hak cuti yang sepatutnya seperti pekerja sektor lain.

78. PN-1542-L14081

Senator Dato' Ahmad bin Dato' Sri Hj. Ibrahim minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan apakah langkah dan kawalan yang dilakukan oleh Kementerian terhadap mana-mana syarikat pengendali umrah yang gagal menguruskan Jemaah dan juga skim penipuan oleh agensi pelancongan yang bermasalah.

79. PN-1542-L14438

Senator Datuk Rosni binti Sohar minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah strategi jangka sederhana dan panjang secara terperinci oleh Kementerian dalam menangani kesan peningkatan populasi warga emas terhadap sistem kesihatan awam negara, khususnya dari segi kapasiti penjagaan jangka panjang, kekurangan tenaga kerja geriatrik, dan beban kos rawatan kronik yang semakin meningkat.

ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL

1. (D.R.21/2025) Rang Undang-undang Insolvensi Rentas Sempadan 2025 **Bacaan Kali Kedua**

[Perdana Menteri]

2. (D.R.6/2025) Rang Undang-undang Bekalan Elektrik (Pindaan) 2025 **Bacaan Kali Kedua**

[Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air]

3. (D.R.7/2025) Rang Undang-undang Suruhanjaya Tenaga (Pindaan) 2025 **Bacaan Kali Kedua**

[Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air]

4. (D.R.18/2025) Rang Undang-undang Perikanan (Pindaan) 2025 **Bacaan Kali Kedua**

[Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan]

5. (D.R.27/2025) Rang Undang-undang Pekerja Gig 2025 **Bacaan Kali Kedua**

[Menteri Sumber Manusia]

6. (D.R.22/2025) Rang Undang-undang Duti Timbal Balas dan Anti-Lambakan (Pindaan) 2025 **Bacaan Kali Kedua**
- [Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri]**
7. (D.R.15/2025) Rang Undang-undang Perlindungan Pemberi Maklumat (Pindaan) 2025 (dengan pindaan di peringkat Jawatankuasa sebuah-buah Majlis) **Bacaan Kali Kedua**
- [Perdana Menteri]**
8. (D.R.17/2025) Rang Undang-undang Racun (Pindaan) 2025 **Bacaan Kali Kedua**
- [Menteri Kesihatan]**
9. (D.R.20/2025) Rang Undang-undang Pendidikan (Pindaan) 2025 **Bacaan Kali Kedua**
- [Menteri Pendidikan]**